

JAN - MAC 2023



CASSIA

KERJASAMA HORMAT INTEGRITI DINAMISME SEMANGAT

Salam

Aidilfitri

Buat Semua Warga FGV

Santan kelapa di atas para,
Dalam ketupat beras diisi,
FGV ucapkan Selamat Hari Raya,
Ingatan disemat kemas di hati.



Kunjung Hormat Memperkukuh Peraturan Baharu Eropah Terhadap Penebangan Hutan



Dato' Dzulkifli Abd Wahab, Pengerusi FGV dan Pengurusan tertinggi FELDA diketuai oleh Dato' Amiruddin Abdul Satar, Pengarah Besar FELDA telah bertemu wakil delegasi Eropah, *European Forest Institute* (EFI) dan *Malaysia International Trade and Industry* (MITI) dalam satu perjumpaan di Menara FELDA bagi membincangkan Peraturan Produk Bebas Penebangan Hutan Kesatuan Eropah (EUDR) bertujuan untuk meningkatkan perdagangan bagi produk daripada rantaian bekalan yang "bebas penebangan hutan" serta

mewujudkan rantaian yang lebih mampan.

Dalam perjumpaan ini, pihak Kesatuan Eropah (EU) telah menyatakan komitmen serta bersedia untuk bekerjasama rapat dan menyokong usaha negara kongsi dalam mewujudkan rantaian bekalan bebas penebangan hutan melalui *Forest Partnership*, *Cocoa Dialogue* program-program lain.

FELDA sebagai sebuah agensi dalam industri perladangan negara amat

menekan dan memperkasa aspek Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) akan terus berusaha ke arah kelestarian secara holistik.

Semoga melalui perjumpaan dan hubungan baik ini, akan lebih memperkukuhkan asas bagi Dialog Mengenai Kemampanan Minyak Sawit, meningkatkan kapasiti nasional mengenai pemantauan dan kebolehejkan kemampanan serta memperkukuhkan usahasama dalam komunikasi pengeluaran minyak sawit yang mampan.

FGV Catat Prestasi Kewangan Dengan Rekod Baharu Sejak Disenaraikan



FGV telah mencatatkan pencapaian kewangan terbaiknya dengan keuntungan operasi tertinggi sejak ianya disenaraikan pada 2012 untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2022 (TK2022).

Keputusan kewangan yang amat memberangsangkan itu telah

dikongsi bersama rakan rakan media dan penganalisis di satu majlis yang diadakan di Wisma FGV pada 27 Feb.

Berita penuh:

<https://bit.ly/3Upv3pl>

EDITORIAL

PENAUNG

Dato' Mohd Nazrul Izam Mansor

PENASIHAT

Azmi Yaakop

EDITOR

Isnani Fitri Mohd Azmi

PENGURUS PROJEK

Ili Diyana Amirrudin

PENULIS

Huzaifah Mazlina Mohd Alias

Nur Affifah Baharim

Nurul Eisha Khairul Annuar

Nurul Sakinah Abd Aziz

PEREKA GRAFIK

Mohd Nazzim Kamsaim



TERBITAN

Komunikasi Strategik Kumpulan
FGV Holdings Berhad NO 200701042133
(800165-P)

Aras 20, Wisma FGV, Jalan Raja Laut
50350 Kuala Lumpur, Malaysia

fgvholdings.com



Mulai tahun ini, Cassia akan diterbitkan secara berkala tiga bulan sekali.
Harap maklum

Lawatan Media ke Pasir Gudang

Pada 11 dan 12 Januari, FGV mengalu-alukan lebih 16 rakan media untuk lawatan dua hari di Pasir Gudang yang turut disertai oleh Pengurusan Kanan FGV yang telah berkongsi rancangan dan aspirasi masa depan syarikat dengan membenarkan mereka melihat secara fizikal operasi hulu, pertengahan dan hiliran yang pelbagai.



Media berpeluang melawat Ladang Moakil 07 yang merupakan ladang model FGV, yang menerapkan amalan pengurusan terbaik perladangan, termasuk pemeliharaan dan penyelenggaraan pokok sawit serta penuaian dan pengumpulan Buah Tandan Segar (BTS). Lawatan itu kemudiannya diteruskan ke Kilang Sawit Moakil, yang juga merupakan model Kilang FGV yang mengeluarkan

minyak sawit mentah dan isirung dengan cekap.

Rakan media juga turut melawat Delima Oil Products Sdn Bhd yang menjalankan operasi menapis dan membungkus minyak masak Saji dan jenama (FMCG) lain, seperti Seri Pelangi & Adela. Seterusnya mereka dibawa ke FGV Kernel Products Sdn

Bhd untuk melihat tempat memproses isirung bagi menghasilkan makanan haiwan premium. Lawatan berakhir di FGV Johor Bulkiers Sdn Bhd, salah satu kemudahan penyimpanan minyak sayuran terbesar dan paling moden di dunia, yang juga berfungsi sebagai pusat penyimpanan dan pengedaran bebas sehati untuk oleokimia, biodiesel, bahan kimia asas dan produk lain melalui vesel, lori tangki dan saluran paip.

Semoga lawatan media ini dapat membantu meningkatkan lebih banyak kesedaran tentang FGV dan keseluruhan operasi perniagaannya untuk menjadi syarikat makanan dan perniagaan tani yang terkemuka, mampan dan bersepadu.

Integrity, Governance and Anti-Corruption Award (AIGA) 2022



Tahniah!

FGV Refineries Sdn. Bhd telah dianugerahkan dengan Gangsa dan Perak untuk "Integrity, Governance and Anti-Corruption Award (AIGA) 2022" anjuran Institut Integriti Malaysia (IIM).

Anugerah tersebut diterima oleh Wan Norman Nasir, mantan Ketua Tadbir Urus Kumpulan & Pengurusan Risiko bagi pihak FGV Holdings Berhad dan Zulkifli Othman, Ketua Bahagian Hiliran yang mewakili FGV Refineries Sdn. Bhd.



Pengiktirafan ini mempamerkan komitmen FGV untuk memastikan aspek integriti, tadbir urus dan amalan antirasuah di seluruh organisasi dan operasinya ke atas keseluruhan rantai bekalan.

Bersama-sama, setiap daripada kita sebagai Warga FGV harus berusaha untuk menyumbang kepada usaha negara dalam membina negara yang mampan dengan asas integriti yang kukuh dan bebas daripada rasuah seperti yang terkandung dalam nilai PRIDE kita.

“SAJI Seikhlas Hati” Tingkat Kemahiran Keusahawanan Asnaf di Kedah

Delima Oil Products Sdn Bhd (DOPSB) telah melancarkan Program Pembangunan Usahawan Asnaf dengan kerjasama Institut Zakat Negeri Kedah (LZNK) dan Kolej Komuniti Langkawi yang merupakan sebahagian daripada kempen SAJI Seikhlas Hati.

Majlis pelancaran ini menandakan bermulanya kempen SAJI Seikhlas Hati yang bertujuan membantu usahawan Asnaf membangunkan perniagaan mereka dengan sokongan dari segi ilmu pengetahuan, latihan kemahiran dan pendedahan yang diperlukan. Sepuluh usahawan Asnaf terpilih di Kedah merupakan kumpulan pertama peserta program, menerima ‘booster kit’ bernilai RM5,000 terdiri daripada peralatan memasak, membakar kek dan roti serta bahan mentah untuk membantu mereka memulakan perniagaan.

Majlis pelancaran yang dirasmikan oleh Dato’ Dzulkifli Abd Wahab, Pengerusi FGV berkata, “SAJI Seikhlas Hati adalah satu inisiatif murni syarikat dalam melaksanakan bantuan sosial yang menyeluruh dan meluas kepada kumpulan sasaran, iaitu golongan yang memerlukan. Program ini akan menyediakan bantuan dan perkhidmatan sokongan, termasuk bantuan makanan bulanan, khidmat latihan kemahiran, program ziarah

dan bantuan, dan tidak lupa inisiatif kebajikan.”

FGV juga turut diwakili oleh Zulkifli Othman, Ketua Bahagian Hiliran dan Shammim Azad Kamruzaman, Ketua Pegawai Eksekutif, Delima Oil Products Sdn Bhd.

Berita penuh: <https://bit.ly/40LKkEk>



FGV Lancar Marjerin ADELA, Tembusi Pasaran Halal MENA di Gulfood 2023

FGV meluaskan kehadiran di rantau Asia Barat dan Afrika Utara (MENA) dengan pelancaran produk Barangan Pengguna Cepat Laris (FMCG), marjerin ADELA.

Majlis pelancaran produk diadakan di Gulfood 2023, pameran makanan terbesar dunia yang berlangsung dari 20 sehingga 24 Februari di Pusat Dagangan Dunia Dubai.

Pelancaran disempurnakan oleh Tuan Yang Terutama Dato’ Sri Ahmad Fadil Shamsuddin, Duta

Besar Malaysia ke Emiriah Arab Bersatu. Turut hadir, Dato’ Sri Suriani Dato’ Ahmad, Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP), Mohd Fadly Amri Aliaman, Konsul Jeneral Malaysia di Dubai, Pengurusan dan wakil Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) serta Pengurusan Kanan FGV.

Berita penuh: <https://bit.ly/3Kmu8BS>



Anugerah Inovasi Pengerusi FGV 2022

Anugerah Inovasi Pengerusi FGV diteruskan kali ini dengan menumpukan kepada inovasi penjimatan masa dan kos serta peningkatan produktiviti. Cetusan idea Dato' Dzulkifli Abd Wahab, Pengerusi FGV pertandingan ini dimulakan Ogos tahun lalu dan berakhir pada bulan November 2022 dengan tujuan memupuk budaya inovasi di kalangan semua petugas.

Pertandingan ini telah menerima 34 penyertaan daripada anak syarikat seperti FGVIF, FGV R&D, FGVPI, FGVAS, MSM, FGVB, FGVTS, FGVR, FJB serta FGVP. Penyertaan pertandingan dinilai juri yang berpengalaman dari pelbagai pusat korporat FGV.

Pertandingan ini terbuka kepada semua petugas FGV yang mempunyai idea-idea inovatif yang perlu menepati tiga tumpuan utama yang ditetapkan. Penilaian dibuat berdasarkan kriteria

seperti produktiviti, ESG & keselamatan, skalabiliti, permbentangan dan konsep baharu. Pemenang-pemenang telah dipilih berdasarkan kutipan markah bagi setiap kriteria. Setiap peserta telah

hasil inovasi untuk *Rotary Drum Oil Skimmer* (RODOS), diikuti tempat kedua dengan *Automated Steriliser*. Manakala tempat ketiga telah dimenangi oleh FGV R&D bagi penyertaan Baja Organik Diperkaya (FOF).



Pertandingan ini diharapkan dapat memupuk budaya inovasi, menanam nilai-nilai PRIDE terutamanya nilai dinamisme, di samping terus menggalakkan para petugas mengemukakan idea-idea inovatif bagi meningkatkan keberkesanan operasi

diberikan sijil penghargaan yang boleh digunakan sebagai dokumen sokongan dalam inisiatif pembelajaran dan pembangunan.

syarikat sekaligus memberi impak positif bagi mencipta masa depan yang lebih baik untuk semua.

Kesemua pemenang diumumkan pada 13 Februari di sebuah majlis penghargaan. FGVPI merangkul dua kemenangan, tempat pertama dengan

Tahniah kepada semua para pemenang dan terima kasih kepada semua peserta yang telah mengambil bahagian dalam pertandingan ini!

Majlis Penghargaan Untuk Mantan-Mantan Ahli Lembaga Pengarah dan Pengurusan FGV

Bagi memberi penghormatan kepada pemimpin FGV yang dahulu, satu majlis penghargaan telah diadakan

pada 17 Februari di sebuah hotel terkemuka di Kuala Lumpur. Majlis ini telah dianjurkan untuk

Lembaga Pengarah dan Pengurusan Kanan.



mengiktiraf mantan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan dan mantan Pengurusan Kanan dan Ahli Lembaga Pengarah yang lain. Turut hadir bersama adalah Dato' Dzulkifli Abd Wahab, Pengerusi FGV, Dato' Mohd Nazrul Izam Mansor, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan serta Ahli

Majlis malam itu dimulakan dengan persembahan istimewa oleh petugas daripada Bahagian Modal Insan Kumpulan, diikuti dengan ucapan alu-aluan oleh Dato' Nazrul Izham Mansor. Malam itu dipenuhi dengan gelak tawa dan aura positif daripada alumni dan semua yang hadir.

Majlis diakhiri dengan sesi bergambar beramai-ramai dan tayangan video khas untuk kenangan Alumni semasa berada di FGV.

Majlis Pelancaran Buku *Technical Thursday: Climate Action – Carbon Manage*

Selari dengan matlamat FGV mencapai sifar bersih karbon menjelang 2050, buku *Technical Thursday: Climate Action – Carbon Management* telah diterbitkan oleh *Transformation Management Office*, idea bersama Bahagian Kelestarian Kumpulan dan Bahagian Strategik Komunikasi Kumpulan. Majlis pelancaran buku ini telah disempurnakan oleh Dato' Dzulkifli Abd Wahab, Pengerusi FGV dan turut dihadiri barisan kepimpinan kanan syarikat. Di akhir majlis, para tetamu telah membawa pulang buku ini sebagai cenderahati.

Artikel-artikel di dalam buku ini telah dikongsikan secara mingguan bermula bulan Jun hingga Disember tahun lalu melalui emel sebelum dikompilasi dalam bentuk buku. Tujuan penerbitan ialah memupuk kesedaran berkenaan pelepasan gas rumah hijau menerusi ilustrasi komik supaya lebih mudah difahami segenap lapisan petugas FGV, selain membudayakan transformasi untuk minat membaca. Antara maklumat yang terkandung ialah pengenalan

kepada inisiatif Sasaran Berasaskan Sains (SBTi) dan Pelan Hala Tuju Tenaga Boleh Baharu Malaysia 2021 serta strategi syarikat yang seiring dengan komitmen peringkat nasional dan antarabangsa.

Turut diraikan dalam majlis ini ialah 14 pemenang kuiz terkumpul *Technical Thursday* yang telah menjawab keempat-empat kuiz secara konsisten dan berjaya mencapai peratusan yang ditetapkan. Penilaian dibuat

berdasarkan dua kriteria, iaitu ketepatan dan kepantasan. Tempat pertama telah dimenangi oleh Nisa Ali Hasan daripada Delima Oil Products, diikuti tempat kedua dan ketiga oleh Nur Nabillah Hamid dan Ilya Fatanah Suhairi daripada Pusat Korporat. Setiap peserta telah diberikan sijil penghargaan yang boleh digunakan sebagai dokumen sokongan dalam inisiatif Pembelajaran dan Pembangunan.



Program Jalinan Mesra SAJI di Masjid Negara



FGV dengan kerjasama SAJI di bawah inisiatif SAJI Seikhlas Hati telah bersama-sama menjayakan Program Jalinan Mesra SAJI yang dilancarkan oleh Dato' Dzulkifli Abd Wahab, Pengerusi FGV di Masjid Negara pada 2 Mac.

Program ini dijalankan dengan kerjasama Jabatan Agama Islam

Wilayah Persekutuan (JAWI) dan Pusat Pungutan Zakat - Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (PPZ-MAIWP) yang akan diadakan secara bersiri setiap bulan oleh FGV di lapan masjid terpilih sekitar Wilayah Persekutuan yang dimulakan dengan Masjid Negara.

Turut hadir Datuk Haji Mohd Ajib Ismail, Pengarah JAWI dan Ehsan Mohd Hosni, Imam Besar Masjid Negara bersama para Asnaf yang diraikan bagi menerima sumbangan daripada FGV sebagai salah satu tanggungjawab dalam menunaikan zakat dan prihatin dengan keperluan asnaf yang semakin meningkat.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Tinjau Keberkesanan Program SMART SBB



FGV menerima kunjungan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, YB Datuk Seri Mohamad Bin Sabu di Sg. Burong Sekinchan bersempena Lawatan Kerja ke Jelapang Padi Negeri Selangor yang turut dihadiri Dato' Dzulkifli Abd Wahab, Pengerusi FGV.

Selain meninjau keberkesanan Program SMART Sawah Padi Berskala Besar

(SMART SBB), Anugerah Pesawah Jaya FGV turut disampaikan kepada 10 pesawah ladang kontrak.

Program yang dilaksanakan sejak 2021 ini, bertujuan untuk meningkatkan hasil pengeluaran beras wangi tempatan serta menggandakan pendapatan pesawah di Selangor. FGV membantu lebih 361 pesawah ladang

kontrak dengan menanggung kos-kos operasi termasuk kos penanaman dan penggunaan teknologi dron.

Majlis turut dimeriahkan dengan demo masakan menggunakan Beras Wangi Malaysia SAJI Aroma dan bahan-bahan masakan keluaran FGV yang lain.

FGV dan MCM Serah 100 Komputer Riba Kepada Universiti Malaysia Pahang (UMP)



Sebanyak 100 buah komputer riba telah diserahkan pada 15 Februari kepada pelajar Universiti Malaysia Pahang (UMP) yang memerlukan.

Sejumlah RM 324,900 telah dibelanjakan oleh FGV dan Muslim Care Malaysia Society (MCM) bagi menajayakan majlis tersebut. Majlis

usahasama antara MCM dan FGV ini alhamdulillah disambut baik oleh UMP.

Menyedari kemajuan dan peningkatan taraf hidup rakyat di sesebuah negara bermula dengan pendidikan, FGV bersama MCM mengambil inisiatif serius membantu mereka yang

memerlukan dengan menyediakan bantuan peranti dengan spesifikasi berkualiti dalam usaha meringankan beban golongan yang memerlukan di kawasan luar bandar.

Panel Pemerkasaan Wanita dan Kesaksamaan Gender

Pada 6 Mac, FGV mengadakan Panel Pemerkasaan Wanita & Kesaksamaan Gender, dengan *LeadWomen* sebagai rakan kongsi sokongan. Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato' Sri Nancy Shukri, dalam



Lebih 100 peserta daripada pelbagai sektor, termasuk agensi kerajaan, korporat, pertubuhan masyarakat sivil, agensi PBB serta kor diplomatik. Ahli panel termasuk Datin Izzatul Shima Md Thahir, Timbalan Ketua Pengarah, Jabatan



ucapturnya yang disampaikan oleh Setiausaha Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik Kementerian,

menekankan kepentingan komuniti perniagaan menyokong inisiatif kerajaan dalam kesaksamaan jantina di tempat kerja dan pasaran. Di samping itu, Dato' Dzulkifli Abd Wahab, Pengerusi FGV menekankan bahawa kesaksamaan gender adalah amat diperlukan dalam usaha kita merealisasikan

pembangunan mampan dan akhirnya, masa depan yang lebih baik untuk semua.

Pembangunan Wanita, Joseph D' Cruz, Ketua Pegawai Eksekutif Meja Bulat Minyak Sawit Lestari, Anne Abraham, Pengasas dan Pengerusi *LeadWomen*, dan Sumitra Visvanathan, Pengarah Eksekutif Pertubuhan Pertolongan Wanita (WAO).

FGV juga mengumumkan komitmennya sebagai penandatangan Prinsip Pemerkasaan Wanita (WEP) untuk terus mempromosikan hak wanita dalam operasi dan rantai bekannya.

Sambutan Hari Wanita Sedunia FGV

Bersempena dengan Hari Wanita Sedunia, Jawatankuasa *Gender Equality Women Empowerment* (GEWE) FGV telah mengadakan sambutan pada 21 Mac bertempat di Sheraton Imperial Kuala Lumpur. Bertemakan batik, majlis tersebut telah meraikan lebih 200 petugas wanita FGV bagi menunjukkan rasa terima kasih di atas peranan penting mereka dalam memacu kejayaan syarikat.

Majlis tersebut turut dihadiri oleh Dato' Mohd Nazrul Izam Mansor, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, dan pengurusan kanan FGV. Pelbagai aktiviti menarik diadakan termasuk cabutan bertuah, penampilan khas Khai Bahar, pertandingan pakaian tercantik dan tayangan video montaj petugas FGV. Majlis disempurnakan dengan potongan kek oleh Dato' Nazrul sebagai simbolik sokongan ke atas pemerkasaan wanita.

FGV berbangga untuk mengikrarkan komitmen bagi mempromosikan hak wanita di seluruh operasi dan rantai bekalan dengan mematuhi Prinsip Pemerkasaan Wanita (WEP). Dengan mengamalkan ekuiti, kita boleh mewujudkan tempat kerja yang lebih inklusif dan pelbagai yang memupuk inovasi, kreativiti dan pertumbuhan.

Bersama-sama kita, *#EmbraceEquity*.



Program Penanaman Pokok Untuk Hidupan Liar



FGV telah mengambil langkah ke hadapan dalam komitmen kelestarian dengan pelancaran "Program Penanaman Pokok Untuk Hidupan Liar", satu inisiatif bekerjasama dengan FELDA dan *Malaysian Nature Society* (MNS). Program tersebut dihadiri oleh YB Puan Salbiah Mohamed, ADUN Temengor, pengerusi FGV, wakil-wakil dari FELDA, MNS, pengurusan dan petugas FGV serta ahli-ahli komuniti tempatan yang berikrar untuk

menyokong dalam melindungi alam sekitar dan kepelbagaian biologi dengan menanam pokok mereka sendiri pada hari pelancaran!

Sejajar dengan Kerangka Kelestarian Kumpulan FGV di bawah tonggak Melindungi Alam Sekitar, inisiatif ini bertujuan untuk meningkatkan *High Conservation Value* (HCV) di kawasan Ladang Tawai 01, Gerik, Perak dengan mempromosikan pemuliharaan hidupan liar, mengurangkan jejak karbon dan memberikan manfaat berganda kepada alam sekitar dan komuniti tempatan dengan menanam pokok. Sehingga kini, FGV telah menanam lebih kurang 2,000 pokok daripada lebih 20 spesies campuran pokok buah-buahan asli dan liar.

Penanaman pokok di kawasan HCV yang lain juga akan diteruskan secara

berperingkat.

Sebagai sebahagian daripada inisiatif pembangunan komuniti FGV, benih pokok diperolehi daripada nurseri yang diusahakan oleh masyarakat Orang Asli di sekitar Ladang Tawai.

Inisiatif ini sejajar dengan sambutan *World Wildlife Day* pada 3 Mac dan *International Day of Forests* pada 21 Mac.



FGV Buka Peluang Pekerjaan di Karnival Kerjaya Malaysia 2023, London

The Malaysian Career Fair 2023 dianjurkan oleh UKEC (United Kingdom and Ireland Council) dan GRADUAN adalah satu platform untuk memperkenalkan majikan Malaysia kepada mahasiswa dan siswazah Malaysia serta warga kerja di U.K dan Ireland.

Bahagian Modal Insan Kumpulan terlibat dalam program dua hari dan mengambil peluang untuk membina ekuiti jenama dengan meningkatkan keterlihatan jenama FGV kepada calon yang berpotensi di U.K.

Pameran kerjaya dimulakan dengan ucapan pembukaan oleh Syed Rifqi Najmuddin, Pengerusi UKEC dan dirasmikan oleh Zahid Rastam, Timbalan Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke United Kingdom, Zahid Rastam.

Sesi temuduga juga turut diadakan di ruang pameran untuk berkenalan dengan mahasiswa yang hadir.

Secara keseluruhan, penerimaan kepada ruang pameran FGV amat baik dan ramai pelajar bertanya berkaitan perniagaan dan peluang pekerjaan di FGV.



Selain itu, Razman Radzi, Ketua Pegawai Modal Insan Kumpulan telah menghadiri ACCA & MARA *Get Connected Programme* yang diadakan di Malaysia Hall, London bagi menyokong pihak ACCA dalam kebolehpasaran siswazah dan kemajuan kerjaya bakat Malaysia di samping bertemu dengan lebih dari seratus pemegang biasiswa MARA dan berkongsi laluan kerjaya bagi siswazah perakaunan di FGV.

Sukan Nasional KSFGV 2023



SUKAN NASIONAL KSFGV 2023
17 - 19 MAC 2023

KEPUTUSAN MESYUARAT PEMERANIS

NO.	SUKAN	JAWATAN	NAIB JAWATAN	TEMPAT KE-3
1	FUTSAL	SABAH	KUALA LUMPUR	KUALA LUMPUR
2	BOLA JASSIN	SABAH	KUALA LUMPUR	KUALA LUMPUR
3	BOLA TAMPAR	SABAH	KUALA LUMPUR	KUALA LUMPUR
4	BADMINTON	SABAH	KUALA LUMPUR	KUALA LUMPUR
5	PING PONG	SABAH	KUALA LUMPUR	KUALA LUMPUR

PUNCIUTAN BOLA BOLA SUKAN KESELURUHAN

NO.	PASUKAN	JEMAH	NAIB JEMAH	TEMPAT KE-3	Jumlah Poin	BAHAGIAN KESELURUHAN
1	SABAH	2	1	3	13	
2	SABAH	2	1	3	12	
3	KUALA LUMPUR	1	2	3	12	
4	KUALA LUMPUR	2	1	3	7	
5	BERITING	1	1	2	4	
6	KUALA LUMPUR	2	2	2	2	
7	UTARA	1	1	1	1	
	Jumlah Keseluruhan	5	5	5	10	50



Sebanyak 5 acara sukan dipertandingkan di antara 18 hingga 19 Mac yang menyaksikan Zon Sabah muncul sebagai johan keseluruhan.

Upacara pembukaan disempurnakan oleh Dato' Mohd Nazrul Izam Mansor, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan FGV, manakala Dato' Dzulkifli Abd Wahab, Pengerusi FGV telah menyampaikan hadiah kepada semua pemenang pada hari terakhir kejohanan. Barisan Jawatankuasa KSFGV amat berbesar hati dengan kehadiran mereka serta berterima kasih dengan Pengurusan Kanan yang turut hadir memberi sokongan.

Aktiviti Kelab Sukan FGV (KSFGV) yang diterajui barisan Jawatankuasa Sesi 2020-2022 berakhir dengan penganjuran Sukan Nasional yang julung kali diadakan dengan kerjasama di antara KSFGV Nasional dan KSFGV Zon Kuala Lumpur.

Tahniah kepada semua peserta yang menunjukkan semangat kesukanan dan disiplin yang tinggi sepanjang kejohanan berlangsung.

Keputusan Akhir:
Johan Keseluruhan: Zon Sabah
Tempat Kedua: Zon Selatan
Tempat Ketiga: Zon Kuala Lumpur

Jawatankuasa KSFGV Nasional/Zon 2023-2025

Sekalung tahniah buat barisan Jawatankuasa KSFGV Nasional/ Zon!

Pemilihan Jawatankuasa KSFGV Nasional telah dibuat sempena Mesyuarat Agung KSFGV Kali Ke 3 bertempat di Dewan Gemilang, Universiti Kebangsaan Malaysia pada 17 Mac. Mesyuarat tersebut telah menghimpunkan lebih kurang 250 ahli dari tujuh

zon untuk mengundi lima jawatan yang dipertandingkan manakala dua lagi menang tanpa bertanding. Bagi peringkat zon pula, undian telah berlangsung di antara 6 hingga 8 Februari.

Berikut adalah senarai Jawatankuasa KSFGV Nasional.

JAWATANKUASA NASIONAL KSFGV Sesi 2023/25

PENGERUSI
MUHAMMAD NAJIB AB MANAN (FGVH)

TIMBALAN PENERUSI
JEFFRI HAMDAN (FGVPM)

SETIAUSAHA
MUHAMMAD ZAM HARITH ABU ZAHRI (FGVPI)

PEN. SETIAUSAHA
NILAWATI KAMARUDDIN (FGV TRADING)

BENDAHARI
AINUN SYAFIAH SUHAIDI (FGVH)

PEN. BENDAHARI
FATIMAH FARHANA SAHAK (FGVH)

AHLI JAWATANKUASA

MOHD NASIER ZAKARIA (FGVPM) ANNA BAIZURA MISPANI (FGV R&D) MOHD RAJUN RADZALI (FGVPM) MOHAMMAD SHUKOR AHMAD (FGVPI)

KSFGV KELAB KITA BERSAMA

Program Jom ke Kenyir!

Program “Jom Ke Kenyir” menjadi penutup tirai bagi aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh KSFGV Zon KL. Seramai 48 ahli Kelab Sukan FGV telah menyertai program tiga hari dua malam di Tasik Kenyir, Terengganu yang berlangsung dari 27 hingga 29 Januari. Walaupun cuaca hujan sepanjang berada di sana, ia tidak menghalang peserta menyertai pelbagai aktiviti seperti memancing, berkanayak, bermandi-mandi di air terjun, mendaki bukit dan macam-macam lagi.

Semoga program seperti ini dapat diteruskan pada masa akan datang kerana ia memupuk semangat kerjasama, berdiskusi, meningkatkan keyakinan diri selain merapatkan lagi silaturahim dalam kalangan ahli.



Perasmian Gimnasium di Wisma FGV

Pada 28 Februari, bertempat di tingkat 7, Wisma FGV telah berlangsung perasmian pembukaan gimnasium oleh Dato' Dzulkifli Abd Wahab, Pengerusi Kumpulan FGV.

Pembukaan gimnasium adalah salah satu hasil inisiatif KSFGV untuk memberikan akses kepada petugas dan pengunjung bagi bersenam dan melakukan aktiviti sukan. Waktu operasi gimnasium adalah seperti berikut:

Isnin - Khamis
(12:00 tengahari - 2:00 petang & 5:00 petang - 9:00 malam)

Jumaat
(12:30 tengahari - 2:30 petang & 5:00 petang - 9:00 malam)

Bayaran yang dikenakan:
Ahli KSFGV (percuma)
Pelawat (RM15/sesi)
Kunci Loker (Deposit RM10)





JAN - MAC 2023 1. *Casual Day* @ Hotel Seri Costa, Melaka pada 14 Januari 2. FGV Sumbang RM500,000 di Majlis Sumbangan Dana Bencana pada 14 Februari 3. Lawatan Pengerusi Felda ke Kawasan Operasi FGV di Kuantan pada 15 Februari 4. Pelancaran Seri Pelangi x Syukor Burger di Wisma FGV pada 18 Februari 5. Persidangan & Pameran Unjuran Harga Minyak Sawit & Laurik (POC2023) pada 6- 8 Mac 6. Kursus Pengacaraan FGV pada 14 Mac 7. *Brand Laureate Sustainable Business & Brands Inspiring Achievement Award* pada 20 Mac 8. Majlis Pelancaran SAJI Sentiasa di Sisi pada 20 Mac 9. Misi Bantuan Banjir FGV - Pasca Banjir di Johor pada 22 Mac 10. Lawatan Pelajar Jepun ke FGV Innovation Centre, Enstek pada 27 Mac 11. Sambutan Hari Wanita Sedunia di FGV pada 30 Mac

TAHNIAH PEMENANG PERTANDINGAN LINKEDIN!

SELAMAT TINGGAL 2022:
5 DETIK TERBAIK 2022 DI FGV

Mohd Asraf Arif Mansor
FGV Integrated Farming

Muhammad Amin Mohd Fauzi
FGV Integrated Farming


Ku Izzat Iqhmah Ku Ismail
Delima Oil Products

Hadiah Dimenangi
Gold Wafer Coin!





Dengan kerjasama:



A.P.U
ASIA PACIFIC UNIVERSITY
OF TECHNOLOGY & INNOVATION

TAWARAN TAJAAN PELAJAR CEMERLANG FELDA

Program Global Digital Leadership dengan Kerjasama APU

(Pengambilan Jun 2023)

SYARAT PERMOHONAN

- Memperoleh sekurang-kurangnya 7A dan ke atas dalam peperiksaan percubaan SPM 2022
- Anak Peneroka/ Cucu Peneroka/ Generasi Baharu FELDA/ Anak Petugas FELDA & Kumpulan FELDA
- Lulusan SPM Tahun 2022
- Kualiti kepimpinan yang kuat, keupayaan berpasukan yang tinggi, cemerlang dalam kedua-dua aktiviti kokurikulum dan sukan
- Mempunyai kemahiran interpersonal yang sangat baik

TAWARAN

- Tawaran Tajaan sepenuhnya bagi peringkat pengajian Foundation & Ijazah Sarjana Muda di Asia Pacific University of Technology & Innovation (APU)
- Elaun Sara Hidup sepanjang pengajian
- Kemudahan Penginapan
- Program Pengajian Tambahan; Bahasa Antarabangsa (Bahasa Inggeris dan Bahasa Korea)
- Neuro Linguistic Programming (NLP)
- Pensijilan IR 4.0

SILA HUBUNGI UNTUK KETERANGAN LANJUT :

FARAH NADIRAH (Bahagian Akademik Yayasan FELDA)

☎ 03-2693 4224 ✉ fnadirah.ms@felda.net.my

SHAH RUL (Bahagian Pendidikan FELDA)

☎ 03-2191 2084 ✉ mshahrul.r@felda.net.my

SILA IMBAS KOD QR UNTUK PERMOHONAN



BORANG ANAK PENEROKA
& GENERASI BAHARU FELDA



BORANG ANAK PETUGAS
FELDA & KUMPULAN FELDA

TARIKH TUTUP SELEPAS 14 HARI KEPUTUSAN SPM 2022 DIUMUMKAN

Hanya calon yang disenarai pendek akan dimaklumkan untuk proses penilaian.

SENARAI PROGRAM PENGAJIAN YANG DITAWARKAN DIBAWAH TAJAAN PENUH FELDA

- » **Bahasa Antarabangsa (Bahasa Inggeris dan Bahasa Korea)**
Tempoh Pengajian: 3 Bulan
- » **Foundation (Computing & Technology)**
Tempoh Pengajian: 12 Bulan
- » **Ijazah Sarjana Muda (School of Computing & Technology)**
Tempoh Pengajian: 36 Bulan
 - Bidang Pengkhususan seperti Cyber Security, Big Data, IoT, FinTech, Computer Games Development, Multimedia VR/AR, Computer Science, Intelligent Systems, Software Engineering dan seumpamanya.
- » **Pensijilan IR 4.0**
Tempoh Pengajian: 10 Hari
 - APU Certified Java Developer, APU Certified Cybersecurity Engineer, APU Certified Data Engineer, APU Certified Data Cloud Practitioner, APU Certified Network Administrator, APU Certified Animator, APU Certified Digital Marketing Specialist.
- » **Program Neuro Linguistik (FELDA)**

Asia Pacific University of Technology & Innovation (APU) (A Member of the APIIT Education Group) Company no. 672203-A DU030(W)

www.apu.edu.my

Resipi Pilihan

Semperit Tembikai Susu

BAHAN-BAHAN:

250 gm marjerin Seri Pelangi
¾ cawan susu krimer Saji berperisa Tembikai Susu
Sedikit pewarna makanan hijau
Sedikit garam (secubit)
400 gm tepung jagung
3 sudu makan tepung kastad

CARA-CARA :

1. Gaul marjerin dan susu hingga sehati.
2. Masukkan pewarna hijau dan garam, kemudian gaul sehati.
3. Seterusnya masukkan tepung jagung dan tepung kastad. Gaul sehingga menjadi doh dan tidak melekat.
4. Boleh tekan dengan acuan semperit dan hiasi dengan manik, cip coklat atau ceri.
5. Bakar suhu 170°C selama 20 minit atau sehingga masak.
6. Siap dihidangkan



Biskut Bomb Ball Chocolate

BAHAN-BAHAN:

2 cawan Gula Prai
1 cawan susu pekat Saji
½ cawan marjerin Adela
1/3 coklat masakan
3 cawan oat

Nota: Jika anda inginkan sedikit hiasan, anda boleh salutkan dengan *oreo crumbs*, *hazel crumbs* atau *oat crumbs*.

CARA-CARA :

1. Campurkan 2 cawan gula, 1 cawan susu pekat Saji, ½ cawan marjerin, dan 1/3 cup coklat masakan dalam api sederhana besarnya. Kacau sehingga mentega dan coklat mencair dengan sempurna.
2. Biarkan beberapa ketika di atas dapur hingga mendidih. Selepas itu, tutup apinya dan biarkan sejuk seketika.
3. Masukkan 3 cawan oat ke dalam adunan tadi, adun hingga semua oat campur rata dengan adunan.
4. Setelah rata, ceduk menggunakan sudu ais krim atau sudu dan jadikan bentuknya bulat.
5. Setelah selesai, anda boleh salutkan Bomb Ball Chocolate anda dengan serbuk pilihan anda, samada serbuk oreo, serbuk oat, serbuk kacang hazel dan banyak lagi mengikut citarasa anda.
6. Selepas itu, masukkan ke dalam peti ais selama 1 jam sebelum dinikmati.

